

Sistem sesar dalam Basalt Segamat: Kajian kes di Kuari Yam Fong

IBRAHIM ABDULLAH, JATMIKA SETIAWAN & S. M. AWALNUR

Pusat Pengajian Sain Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Basalt Segamat diletuskan semasa Tersier Awal, ketika keadaan tektonik Semenanjung Malaysia dikatakan telah berada dalam keadaan setabil. Kajian lapangan di Kuari Yam Fong, Kampung Jabi, Segamat menunjukkan batuan, disamping telah mengalami peretakan dan pembentukan telering kalsit, basalt di sini juga mengalami sesaran mendatar dan sesaran sungkup. Berdasarkan kepada perkaitan antara struktur yang terdapat di sini, ditafsirkan basalt Segamat telah mengalami dua kali mampatan, yang awal daripada arah timur-timurlaut (TTL) diikuti oleh mampatan dari arah timur-tenggara (TTG). Telering kalsit juga didapati tersibar dengan agak meluas dalam jalur-jalur tertentu berarah utara timur laut dan timur-timurlaut. Sesar mendatar konjugat generasi awal yang terhasil daripada mampatan daripada arah TTL dipotong dan dianjakkan oleh sistem sesar mendatar konjugat yang terhasil daripada mampatan dari TTG. Selain berkaitan dengan pembentukan sesar mendatar, sistem tegasan yang awal juga bertanggung jawab dalam pembentukan telering kalsit. Sistem tegasan ke dua bertanggung jawab dalam pembentukan satu lagi set sesar mendatar konjugat dan sesar songsang. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa sistem tegasan dalam keadaan mampatan masih beroperasi di Semenanjung Malaysia selepas zaman Tersier awal yang dikatakan telah berada dalam keadaan stabil.